

SEKULARISASI DALAM PERUNDANGAN TURKI DAN KESANNYA TERHADAP MASYARAKAT *Secularization in Turkish Legislation and its Impacts on Society*

¹MUHAMMAD KHALIS IBRAHIM
²MOHD ROSLAN MOHD NOR

*Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur
¹khalismuhammad92@yahoo.com, ²m_roslan@um.edu.my
Dihantar: 14 Februari 2018 / Diterima: 19 Disember 2018*

Abstrak Pengisytiharan Turki sebagai sebuah negara republik oleh Mustafa Kemal Atatürk telah membuka laluan kepada proses sekularisasi, khususnya dalam aspek perundangan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji proses sekularisasi dalam perundangan Turki serta mengenal pasti kesannya terhadap masyarakat. Kajian ini menggunakan metode kajian kepustakaan dan dokumentasi sebagai metode pengumpulan data. Metode analisis kandungan dijalankan ke atas data-data yang diperoleh. Kajian mendapati proses sekularisasi perundangan Turki telah dilakukan sejak era Khilafah Uthmaniyyah dan diteruskan secara lebih agresif pada era Atatürk. Sekularisasi dalam perundangan telah memberi kesan terhadap gaya hidup masyarakat di bandar serta menyumbang kepada konflik polarisasi masyarakat. Justeru, kajian ini menegaskan bahawa sekularisasi dalam perundangan Turki merupakan cerminan kepada kegagalan Atatürk dalam membezakan di antara keperluan untuk maju dengan keperluan bagi memelihara Islam sebagai warisan tradisi Turki.

Kata kunci: Khilafah Uthmaniyyah, Mustafa Kemal Atatürk, sekularisasi, perundangan Turki, Perlembagaan Turki, polarisasi masyarakat.

***Abstract** The declaration of Turkey as a republic by Mustafa Kemal Atatürk paved the way to the secularization process, especially in legal aspect. This study aims to examine the process of secularization in Turkish legislation and its impacts on society. This study was conducted through library research and documentation methods for the data collection. Content analysis method was carried out on those data. The study found that the secularization process of Turkish legislation was done since the era of the Ottoman Caliphate, and the process was continued aggressively during Atatürk era. Secularization in Turkish legislation has affected the lifestyle*

of urban people and contributed to the polarization of society. This study argues that the secularization in Turkish legislation was a reflection of Atatürk's failure to distinguish between the necessities of modernization with the need to preserve Islam as a heritage of Turkish tradition.

Keywords: *Ottoman Caliphate, Mustafa Kemal Atatürk, secularization, Turkish legislation, Constitution of Turkey, polarization of society.*

PENDAHULUAN

Pada asalnya, sekularisme merupakan satu idea yang asing dalam dunia Islam. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993), konsep sekularisme dapat dirumuskan sebagai pemahaman yang hanya mementingkan aspek keduniaan tanpa mengambil kira aspek ukhrawi. Seyyed Hossein Nasr (1981) menghuraikan sekularisme sebagai fahaman yang berpaksikan manusia sebagai subjek utama (humanisme) yang tidak bercirikan ketuhanan. Abdul Rahman (1987) pula menyifatkan sekularisme sebagai suatu sistem falsafah yang bertujuan memberi tafsiran atau pengaturan kepada kehidupan manusia tanpa kepercayaan kepada Tuhan, wahyu dan hari kemudian. Bagi masyarakat sekular, peranan agama sebagai sistem hidup akan dinafikan, seterusnya memberi kesan kepada pengasingan sistem beragama dari urusan politik dan menjadikan agama hanya sebagai urusan peribadi (Toprak, 1981).

Sekularisme berkembang di dunia Barat pada abad pertengahan, di mana ketika itu wujud pertentangan di antara golongan cendekiawan yang terdiri daripada saintis dan ahli falsafah dengan pihak gereja. Pertembungan tersebut telah mewujudkan wacana baharu dalam kalangan masyarakat di Eropah yang lebih bersandarkan kepada hujah rasional dan saintifik serta menolak campur tangan agama dan aspek metafizik dalam hal keduniaan (Abdul Rahman, 1987).

Walaupun wacana sekularisme tercetus di Barat, pengaruhnya sampai hingga ke dunia Islam. Di samping pertembungan dalam peperangan seperti yang sering digambarkan oleh sebahagian pihak, interaksi antara

tamadun Islam dan Barat turut melibatkan asimilasi peradaban dan budaya. Selepas kepimpinan Sultan Suleiman al-Qanuni (1520–1566), Khilafah Uthmaniyyah mula mengalami zaman mendatar khususnya selepas kegagalannya untuk menakluk Vienna pada tahun 1683 (Mohd Roslan, 2011). Krisis kepimpinan dan pentadbiran yang melanda menyebabkan Khilafah Uthmaniyyah bertindak mengambil idea-idea pembaharuan dari Barat sebagai langkah mengatasi permasalahan dalam kerajaan. Kemajuan yang dikecapi oleh Barat hasil daripada Revolusi Perancis pada tahun 1789 telah menarik perhatian umat Islam memandangkan ia dilihat sebagai gerakan kebangkitan yang memfokuskan kepada sudut kemajuan material dan tidak bercirikan agama (Mohamad Shaukhi, 2012).

Sungguhpun pada mulanya idea pembaharuan yang diimport dari Barat bertujuan memodenkan angkatan tentera Uthmaniyyah, pengaruh idea Barat dalam aspek-aspek lain turut dibawa masuk ke dalam program pembaharuan yang dilaksanakan (Siti Nurul & Ermy, 2015). Kemasukan idea pemodenan Barat ke dalam pentadbiran Uthmaniyyah tidak datang secara sendiri, tetapi diiringi oleh idea pemikiran yang berasaskan corak berfikir sekular Barat. Sungguhpun Islam memainkan peranan yang penting dalam membentuk kerangka berfikir dan identiti masyarakat Turki, tetapi pemodenan yang diterapkan telah memberi pengaruh yang besar terhadap masyarakat ketika itu. Pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan telah meminggirkan keberadaan syariat Islam. Oleh itu, program pembaharuan tersebut ditentang sebahagian ulama sejak dari awal kerana dianggap sebagai bidaah yang boleh menggugat kedudukan umat Islam (Fadhlullah, 2007).

Pengisytiharan negara Republik Turki di bawah kepimpinan Mustafa Kemal Atatürk (1923–1939) telah membuka laluan kepada proses sekularisasi secara lebih agresif berbanding sebelumnya. Proses sekularisasi tersebut melibatkan pelbagai aspek termasuklah pentadbiran, perundangan, pendidikan dan kebudayaan. Makalah ini akan membincangkan tentang sekularisasi dalam perundangan Turki dengan memberi tumpuan terhadap Perlembagaan Turki serta beberapa perundangan Turki yang lain. Selain itu, makalah ini turut mengenal pasti kesan sekularisasi dalam perundangan Turki terhadap masyarakat dan menyatakan beberapa kritikan terhadap usaha sekularisasi yang dijalankan.

METODOLOGI

Kajian ini menggariskan dua objektif utama iaitu: i) mengkaji proses sekularisasi dalam perundangan Turki; dan ii) mengenal pasti kesan sekularisasi dalam perundangan terhadap masyarakat. Keseluruhan kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian teks. Bagi metode pengumpulan data, penulis menggunakan metode kajian kepustakaan dan metode dokumentasi, di mana data-data yang diperoleh adalah dari sumber primer (seperti Perlembagaan Turki 1924, Perlembagaan Turki 1961 dan Perlembagaan Turki 1982) mahupun sumber sekunder (merangkumi kajian-kajian yang dilakukan berhubung program pembaharuan Atatürk, iaitu dalam bentuk buku dan artikel jurnal). Seterusnya, metode analisis kandungan dijalankan secara berobjektif ke atas data-data yang diperoleh berdasarkan objektif kajian yang telah digariskan.

DAPATAN KAJIAN

Perkembangan pembentukan perundangan fasa akhir Khilafah Uthmaniyyah

Sejauh manakah perkembangan sekularisasi perundangan Turki moden dipengaruhi oleh perkembangan perundangan pada era Khilafah Uthmaniyyah? Bagi meneliti susur galur sekularisasi dalam perundangan Turki moden, perkembangan pembentukan perundangan pada era Khilafah Uthmaniyyah penting disoroti untuk melihat hubung kait perkembangan pembentukan perundangan bagi kedua-dua fasa tersebut.

Pembentukan perundangan era Khilafah Uthmaniyyah mengalami perubahan yang signifikan semasa pelaksanaan program *Tanzimat* (1839–1878) (Maksudoğlu, 1999). Secara asasnya, program *Tanzimat* merujuk kepada usaha pembaharuan, pembaikan dan penyusunan semula sistem perundangan dan pentadbiran Uthmaniyyah (Mohd Roslan, 2011). Program *Tanzimat* bermula dengan pengisytiharan Piagam Tertinggi Gulhane (*Hatti-i Sherif-i Gulhane*) pada 3 November 1839 dan diikuti Piagam Humayun (*Hatti-i Humayun*) pada 18 Februari 1856, iaitu dua piagam yang

menjadi premis asas bagi program *Tanzimat*. Kedua-dua piagam tersebut telah membuka laluan kepada proses sekularisasi secara meluas dalam pentadbiran Uthmaniyyah melalui pengambilan sistem dari Barat. Pada masa yang sama, ia juga telah memencilkan kedudukan syariat Islam hanya kepada persoalan kekeluargaan dan ritual, jauh ketinggalan berbanding aspek-aspek lain yang mengguna pakai undang-undang Barat (Mohamad Shaukhi, 2012; Fadhlullah, 2007).

Ketika fasa ini, sistem perundangan Uthmaniyyah telah mengalami rombakan dengan mengimport sistem perundangan dari Barat. Antara undang-undang yang diambil dari perundangan Barat ialah undang-undang kesalahan (berdasarkan Panel Kod Perancis), undang-undang tanah (diambil dari Undang-undang Tanah Jerman), undang-undang laut (berdasarkan undang-undang Perancis, Belgium, Sepanyol dan Prusia) serta undang-undang peraturan awam dan undang-undang peraturan jenayah (berdasarkan Undang-undang Perancis) (Mohamad Shaukhi, 2012). Sementara itu, bidang kuasa perundangan yang diperuntukkan kepada Şeyh-u Islam sebagai penasihat agama sultan Uthmaniyyah sebelumnya pula telah dikurangkan dan diletakkan di bawah pengawasan Menteri Keadilan Uthmaniyyah, sekali gus memperlihatkan cubaan menjarakkan Şeyh-u Islam daripada terlibat dalam hal ehwal perundangan (Ágoston & Masters, 2009).

Pada akhir era *Tanzimat*, muncul kumpulan Uthmani Muda (*Yeni Osmanlilar*) yang lebih liberal dan menjadi pelopor kepada usaha pembaharuan perundangan di peringkat seterusnya. Perjuangan mereka mendesak supaya diwujudkan sistem kerajaan berperlembagaan ala-Barat berhasil apabila Sultan Abd al-Hamid (1876–1909) bersetuju dengan idea tersebut dan mengisytiharkannya pada 23 Disember 1876 (Maksudoğlu, 1999). Perlembagaan Uthmaniyyah menjadi perundangan tertinggi negara dengan mengambil contoh dari perlembagaan Belgium dan Prusia. Pada masa yang sama, kedudukan Islam sebagai agama rasmi kerajaan terus diiktiraf (Mohamad Shaukhi, 2012). Hal ini memperlihatkan konsep dualisme yang diamalkan dalam perundangan Uthmaniyyah terus dikekalkan pada era Sultan Abd al-Hamid.

Walau bagaimanapun, Sultan Abd al-Hamid bertindak menggantung perlembagaan dan parlimen pada 14 Februari 1878 selepas mendapati parlimen menjadi platform untuk mengkritik dasar-dasar yang dilaksanakan oleh beliau (Mohamad Shaukhi, 2012). Penentangan terhadap kepimpinan Sultan Abd al-Hamid telah dilakukan khususnya oleh kumpulan Turki Muda (*Jön Türkler*)¹ yang menuntut supaya sultan mengembalikan semula sistem parlimen berperlembagaan dan meninggalkan takhta kerana dilihat gagal mentadbir dengan baik. Desakan dan tekanan yang kuat daripada penentangannya menyebabkan akhirnya Sultan Abd al-Hamid terpaksa meninggalkan takhta.

Selepas pengunduran Sultan Abd al-Hamid, gerakan *Jön Türkler* telah mengambil alih kerajaan dan meminda Perlembagaan Uthmaniyyah 1876 dengan memberi kuasa yang lebih luas kepada parlimen dan mengecilkan bidang kuasa sultan (Topukcu, 2014). Kesannya, sultan-sultan Uthmaniyyah selepas Sultan Abd al-Hamid tidak mempunyai kuasa dan hanya bertindak sebagai ketua kerajaan secara simbolik semata-mata. Pada era kepimpinan *Jön Türkler* juga, peranan perundangan syariat semakin dikesilkan berikutan pengambilan undang-undang sivil Jerman sebagai rujukan utama perundangan. Corak perundangan pada era *Jön Türkler* seterusnya menjadi asas kepada pembentukan perundangan Turki yang lebih sekular pada era republik.

Sekularisasi dalam perundangan Turki moden

Pengisytiharan penubuhan Republik Turki oleh Mustafa Kemal Atatürk pada 29 Oktober 1923 turut diiringi dengan program pembaharuan yang dijalankan. Perundangan merupakan antara aspek terpenting yang diberi perhatian dalam program pembaharuan Atatürk.

Dari perspektif pemodenan perundangan (*legal modernity*), penyatuan sistem perundangan adalah satu keutamaan, di mana perundangan yang bersifat persendirian dan mencakupi segmen-segmen masyarakat tertentu perlu digantikan dengan perundangan yang bersifat umum dan seragam. Bagi mewujudkan penyatuan sistem perundangan, adalah menjadi kebiasaan bagi mana-mana pemerintah yang mempunyai kuasa melaksanakan sesuatu

undang-undang menggantikan perundangan tradisional kepada perundangan yang lebih baharu dan moden. Hal ini demikian kerana perundangan tradisional sering kali dilihat tidak mampu menyediakan mekanisme perubahan terhadap masyarakat seperti yang diharapkan sebagaimana perundangan moden. Untuk mencapai tujuan pengadaptasian perundangan moden, kadangkala perundangan luar akan dibawa masuk walaupun wujud perbezaan khususnya dari aspek budaya. Sistem perundangan diberi perhatian di mana dengannya masyarakat dan sistem sosial dapat dicorak dan dibentuk mengikut kehendak elit moden, walaupun wujud keterbatasan perundangan dalam mencorak masyarakat (Yilmaz, 2002).

Sekularisasi menjadi pendekatan utama yang diambil oleh Ataturk dalam pembentukan perundangan Turki. Walaupun proses sekularisasi dalam perundangan telah dilaksanakan sejak era *Tanzimat*, iaitu melalui pengadaptasian perundangan dari Barat, namun proses sekularisasi yang dilakukan pada era Ataturk adalah berbeza berbanding sebelumnya. Menurut Çelebi (2011), Ataturk tidak mensasarkan sekularisasi terhadap instrumen negara semata-mata, tetapi juga bertujuan bagi mensekularkan masyarakat Turki dalam segenap aspek kehidupan. Bagi mengabsahkan lagi proses sekularisasi dalam program pembaharuannya, sekularisme dijadikan salah satu daripada enam prinsip Kemalisme yang digariskan oleh Ataturk sebagai dasar pembinaan negara. Sekularisme yang dimaksudkan pula adalah berasaskan sekularisme ala-Perancis yang keras dari sudut pengamalannya berbanding sekularisme model *Anglo-Saxon* (Toprak, 2005).² Antara kesemua prinsip Kemalisme, sekularisme merupakan prinsip utama dan terpenting dalam proses pembinaan negara yang turut memberi kesan dalam pembentukan perundangan negara.

Menurut Mohammad Redzuan dan Mashitah (2015), pemisahan Islam dari proses pembentukan perundangan Turki bertitik tolak dari sikap prejudis Ataturk terhadap Khilafah Uthmaniyyah. Pengamatan beliau terhadap suasana berkecamuk yang berlaku pada penghujung era Uthmaniyyah menatijahkan kepada penolakan terhadap warisan Uthmaniyyah dalam kesemua aspek (Mashitah, 2004). Dalam hal ini, Islam yang melatari Khilafah Uthmaniyyah turut dianggap sebagai suatu liabiliti berikutan kemerosotan Uthmaniyyah di samping gagal berperanan sebagai ejen

pemodenan bangsa Turki (Toprak, 2005). Maka, peranan Islam perlu disingkirkan sama sekali, termasuklah dalam aspek perundangan bagi memastikan kemajuan peradaban Turki dapat dicapai (Yildirim, 2005).

Pada peringkat awal, Atatürk mengiktiraf kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara. Perkara ini dapat dilihat menerusi Artikel 2 Perlembagaan Turki 1924 yang asal; iaitu perlembagaan rasmi pertama yang digunakan selepas penubuhan republik (Earle, 1925). Perkara ini memperlihatkan cubaan Atatürk mengimbangi gagasan pembaharuannya yang bercirikan sekular dengan mengekalkan Islam yang merupakan identiti bagi masyarakat Turki. Çelebi (2011) memetik pendapat Ziya Gökalp bahawa dalam konteks Turki, agama masih memainkan peranan yang penting dalam urusan kehidupan masyarakat walaupun pada masa yang sama, agama perlu dipisahkan dari mencampuri urusan kenegaraan. Itulah dalam konteks pentadbiran misalnya, Jabatan Hal Ehwal Agama (*Diyanet İşleri Başkanlığı*-Diyanet) telah ditubuhkan pada era Atatürk bagi menguruskan perkara-perkara yang melibatkan hal ehwal Islam. Walaupun Atatürk cuba memisahkan agama dari ruang awam, penubuhan Diyanet merupakan suatu yang kontradik dengan agenda sekularisasi beliau. Secara tidak langsung, hal ini turut menggambarkan bahawa Atatürk dan pendukung Kemalisme pada mulanya menyedari akan peranan agama yang berperanan mencorak identiti serta budaya masyarakat Turki sejak sekian lama.

Walau bagaimanapun, status Islam sebagai agama rasmi negara tidak bertahan lama iaitu peruntukan tersebut akhirnya telah dimansuhkan pada tahun 1928. Melalui pindaan pada tahun 1937 pula, prinsip sekularisme telah diterima sebagai identiti negara (Zhigul'skaya, 2017). Perubahan ini memberi impak yang besar berdasarkan dua keadaan. Pertama, ia menjadi asas utama kepada usaha sekularisasi yang lebih agresif dalam perundangan Turki fasa selepasnya, memandangkan prinsip sekularisme dengan jelas dinyatakan dalam perlembagaan. Hal ini memberikan sumber legitimasi kepada pelaksanaan sekularisasi secara lebih menyeluruh terhadap Perlembagaan Turki selepasnya. Kedua, perubahan tersebut secara tidak langsung turut mengabsahkan sekularisme sebagai dasar kepada segala kegiatan di Turki, di mana Islam telah dinafikan peranannya dalam segenap aspek (Mohammad Redzuan & Mashitah, 2015).

Walaupun selepas ketiadaan Ataturk, proses sekularisasi dalam perundangan Turki diteruskan oleh rejim sekular Kemalis melalui Perlembagaan 1961 dan Perlembagaan 1982. Dalam perlembagaan-perlembagaan tersebut, sifat sekular Republik Turki dinyatakan dalam Artikel 2 sebagaimana Perlembagaan Turki 1924 (selepas pindaan). Artikel 4 Perlembagaan 1982 pula menyebutkan bahawa peruntukan dalam Artikel 1, 2 dan 3 adalah bersifat kekal dan tidak boleh dipinda. Bermaksud, status identiti sekular Republik Turki seperti yang termaktub dalam perlembagaan tidak boleh diubah atau dibuang sama sekali. Selain itu, beberapa peruntukan lain yang menggambarkan unsur sekularisasi dalam Perlembagaan Turki antaranya: i) tindakan kesemua entiti negara tidak boleh bertentangan dengan perlembagaan yang berasaskan semangat sekularisme (Artikel 8 Perlembagaan Turki 1961; Artikel 136 Perlembagaan Turki 1982); ii) larangan campur tangan atau eksploitasi unsur keagamaan dalam sebarang aktiviti politik, ekonomi, sosial dan perundangan (Artikel 19 dan Artikel 57 Perlembagaan Turki 1961; Artikel 68 Perlembagaan Turki 1982); iii) hak dan kebebasan masyarakat seperti yang termaktub dalam perlembagaan tidak boleh mencabar prinsip sekular republik (Artikel 14 Perlembagaan Turki 1982); dan iv) kemestian presiden serta ahli-ahli parlimen menyatakan komitmen dan berpegang kepada prinsip sekularisme (Artikel 77 Perlembagaan Turki 1961; Artikel 81 dan Artikel 103 Perlembagaan Turki 1982) (Balkan *et al.*, 1961; Egemenlik Kayitsiz Şartsiz Milletindir, t.t.).

Proses sekularisasi dalam perundangan Turki diperkukuhkan lagi melalui peranan yang dimainkan oleh Mahkamah Perlembagaan selaku badan yang paling berautoriti dalam mentafsirkan Perlembagaan Turki. Mahkamah Perlembagaan diwujudkan melalui penggubalan Perlembagaan Turki 1961 sebagaimana yang diperuntukkan dalam Artikel 145 sehingga Artikel 152 (Giritli, 1962). Sepanjang keberadaannya, Mahkamah Perlembagaan telah berperanan memelihara prinsip sekular dalam perlembagaan. Misalnya, sebuah parti politik Islam; Parti Ketertiban Nasional (*Milli Nizam Partisi*-MNP) telah diarahkan tutup oleh Mahkamah Perlembagaan pada 20 Mei 1971 atas dakwaan mencabar prinsip sekularisme yang diasaskan oleh Ataturk (Mohammad Redzuan & Mashitah, 2015). Hal yang sama turut melanda dua parti bercorak Islam selepasnya, iaitu Parti Kebajikan (*Refah Partisi*-RP) dan Parti Kebaikan (*Fazilet Partisi*-

FP) yang diisytiharkan haram oleh Mahkamah Perlembagaan atas dakwaan menjadi pusat kegiatan anti sekular. Pada 5 Jun 2008, Mahkamah Perlembagaan telah bertindak membatalkan usul pindaan perlembagaan yang dibawa oleh parti pemerintah; Parti Keadilan dan Pembangunan (*Adalet ve Kalkınma Partisi*-AKP) bagi memberi sedikit kelonggaran terhadap larangan pemakaian tudung. Mahkamah Perlembagaan membuat keputusan tersebut berdasarkan Artikel 4 Perlembagaan Turki 1982 yang memelihara identiti sekularisme dalam Artikel 2 (Halmai, 2012). Dalam kes ini, cubaan memberi kelonggaran terhadap pemakaian tudung dilihat sebagai satu usaha untuk mengembalikan pengamalan Islam ke dalam masyarakat, sekali gus mencabar prinsip sekularisme.

Di samping sekularisasi dilakukan terhadap perlembagaan, undang-undang lain juga turut menerima pengaruh sekularisasi. Dalam konteks undang-undang umum dan jenayah misalnya, pemansuhan Kementerian Kehakiman Shari'at pada tahun 1926 membolehkan pengadaptasian Undang-undang Sivil Swiss, Undang-undang Jenayah Itali dan Undang-undang Komersial Jerman yang kesemuanya berasaskan kerangka perundangan sekular Barat (Mohammad Redzuan & Mashitah, 2015). Proses sekularisasi perundangan melalui mekanisme pembaratan dilakukan bertujuan menghapuskan sama sekali perundangan lama dan diganti dengan perundangan baru yang dilihat bersesuaian dengan ciri-ciri pemodenan (Yilmaz, 2002). Selain itu, perundangan yang melibatkan hal ehwal kekeluargaan turut menerima kesan sekularisasi. Sebagai contoh, perundangan perkahwinan sivil ala-Barat yang diperkenalkan tidak mengizinkan seorang lelaki untuk berkahwin lebih dari seorang, iaitu suatu yang berlawanan dengan ajaran Islam yang membenarkan poligami bagi kaum lelaki. Upacara perkahwinan pula perlu dilakukan secara sivil bagi menerima pengesahan jabatan pendaftaran. Hal ini menjadikan perkahwinan secara Islam seolah-olah tidak signifikan memandangkan ia tidak diiktiraf oleh perundangan (Yilmaz, 2002).

Kesan sekularisasi dalam perundangan terhadap masyarakat

Seperti yang dinyatakan oleh Çelebi (2011), program sekularisasi Ataturk bermatlamatkan untuk mensekularkan kehidupan masyarakat Turki secara

keseluruhannya. Dalam konteks ini, sekularisasi dalam perundangan merupakan salah satu mekanisme bagi mencapai malarat mensekularkan masyarakat. Maka, sekularisasi dalam perundangan semestinya memberi impak atau kesan langsung terhadap masyarakat, memandangkan perundangan berkait rapat dengan kehidupan masyarakat secara umum.

Asyraf *et al.* (2015) menjelaskan, sekularisasi dalam perundangan telah memberi kesan yang mendalam terhadap gaya hidup masyarakat, lebih-lebih lagi masyarakat di bandar. Ketiadaan perundangan syariat menyebabkan masyarakat tidak lagi takut untuk melakukan jenayah moral dan bebas melakukan sebarang aktiviti, sama ada selari mahupun berlawanan dengan kehendak agama kerana tiada perundangan yang mengawal tingkah laku mereka. Contohnya, masyarakat di Bandar Istanbul dan Ankara tidak lagi memberikan perhatian terhadap tuntutan dan larangan di bulan Ramadan. Solat fardu juga tidak dipandang sebagai satu keperluan untuk diamal dan diajarkan kepada kanak-kanak. Selain itu, pengadaptasian perundangan sivil semata-mata telah menyumbang kepada merebaknya masalah-masalah keruntuhan moral dan akhlak dalam kalangan masyarakat Turki. Antaranya, berlaku pertambahan mendadak bagi bilangan kelahiran anak luar nikah dan generasi muda yang terlibat dengan minuman beralkohol. Penularan masalah keruntuhan akhlak turut berpunca dari pengharaman kumpulan tariqat sufi bermula pada era Atatürk, di mana ajaran sufi sebelumnya berperanan memberi penekanan kepada penyucian jiwa, sekali gus memberi kesedaran Islam di kalangan masyarakat (Asyraf *et al.*, 2015).

Walau bagaimanapun, sekularisasi dalam perundangan didapati kurang memberi kesan terhadap masyarakat yang menetap di luar bandar, khususnya di kampung dan pedalaman. Mereka memilih untuk mengabaikan gagasan sekularisme dan terus mengamalkan tradisi Islam dalam beberapa aspek (Toprak, 1981). Contohnya, walaupun hanya perkahwinan secara sivil sahaja yang diperakui di sisi undang-undang, tetapi masyarakat Islam di luar bandar tetap mengamalkan pernikahan mengikut cara Islam. Malah, mereka menganggap pasangan yang tidak bernikah mengikut tradisi Islam dan hanya berkahwinan secara sivil semata-mata adalah tidak sah di sisi Islam. Memandangkan hanya perkahwinan secara sivil sahaja yang diiktiraf di sisi

undang-undang dan pada masa yang sama ingin memastikan perkahwinan selari dengan tuntutan Islam, maka kebanyakan mereka lebih memilih untuk berkahwin melalui kedua-dua cara, iaitu secara sivil dan Islam (Yilmaz, 2002). Selain itu, sebahagian masyarakat di luar bandar terus mengamalkan amalan kesufian khususnya secara bersendirian di kediaman masing-masing walaupun perundangan Turki melarang rakyatnya untuk terlibat dengan kegiatan tersebut.

Selain itu, sekularisasi dalam perundangan Turki turut menyumbang kepada berlakunya polarisasi dalam kalangan masyarakat, iaitu antara kelompok pro-sekular dengan kelompok yang cenderung kepada Islam. Dalam hal ini, kelompok pro-sekular menuduh kelompok pro-Islam bercita-cita untuk membawa Turki menuju kemunduran atas nama Islam, sebaliknya kelompok pro-Islam pula mendakwa kelompok pro-sekular hendak menyebarkan Islamofobia dengan memberi gambaran yang buruk terhadap Islam (Ahmad Dzakirin, 2012). Polarisasi masyarakat berpunca dari polemik perundangan Turki bukan sahaja berlaku pada era Atatürk atau beberapa tahun selepas pemergian beliau, akan tetapi terus berlaku pada era mutakhir.

Misalnya, polemik perundangan yang berlaku pada tahun 2010 memperlihatkan permasalahan polarisasi masyarakat kesan dari sekularisasi dalam perundangan terus berlaku. Pada Mac 2010, AKP telah mengusulkan di parlimen untuk meminda perlembagaan bagi memperkasakan sistem demokrasi di Turki. Cadangan pindaan tersebut perlu dibuat undian melalui referendum nasional kerana gagal memperoleh sokongan majoriti dua pertiga ahli parlimen. Sepanjang kempen referendum berjalan, dua parti pembangkang utama iaitu Parti Republikan Rakyat (*Cumhuriyet Halk Partisi*-CHP) dan Parti Gerakan Kebangsaan (*Milliyetçi Hareket Partisi*-MHP) telah berkempen supaya masyarakat menolak usul pindaan yang dicadangkan. Mereka mendakwa AKP cuba berselindung di sebalik cubaan meminda perlembagaan untuk menghakis prinsip sekularisme. Sebaliknya, AKP mempertahankan usul pindaan tersebut berasaskan justifikasi bagi mereformasi sistem perundangan negara (Ete, *et al.* 2011). Penulis melihat, adalah tidak dinafikan bahawa terdapat asas justifikasi berhubung dakwaan usul pindaan yang dicadangkan mempunyai agenda 'menggugat

sekularisme', memandangkan antara tumpuan utama yang diberikan adalah terhadap rombakan struktur Mahkamah Perlembagaan (Özbudun, 2012). Selama ini, Mahkamah Perlembagaan sering menjadi penghalang kepada usaha Islamisasi yang cuba dilakukan oleh ramai pihak, termasuklah oleh Kerajaan AKP. Maka, rombakan terhadap struktur mahkamah tersebut membolehkan penyingkiran hakim yang terlalu keras berpegang kepada sekularisme dan melantik hakim yang lebih berkompromi dengan dasar sekularisme. Sungguhpun pertembungan yang berlaku hanya melibatkan parti-parti politik yang menyokong dengan yang menolak usul pindaan pada asalnya, pertembungan tersebut akhirnya turut mengheret rakyat ke kancah perdebatan. Keputusan referendum memihak kepada AKP yang memperoleh sokongan rakyat sebanyak 57.88 peratus, manakala 42.12 peratus lagi menolak cadangan pindaan tersebut. Peratusan tersebut memperlihatkan wujudnya pola yang berbeza dalam kalangan masyarakat Turki, diwakili oleh pihak yang menyokong kuat prinsip sekularisme ala-Kemalisme dalam perundangan dengan pihak yang cenderung sama ada terhadap sekularisme yang lebih bebas atau menolak nilai sekularisme dalam perundangan sama sekali.

KESIMPULAN

Sejak era Khilafah Uthmaniyyah lagi, proses sekularisasi dalam perundangan telah dilakukan. Program *Tanzimat* menyebabkan perundangan Barat yang sekular diadaptasi secara meluas oleh Kerajaan Uthmaniyyah walaupun pada masa yang sama perundangan berasaskan syariat tetap diguna pakai. Selepas fasa *Tanzimat*, sekularisasi perundangan diteruskan pula oleh rejim *Jön Türkler*. Sekularisasi dalam perundangan pada zaman Uthmaniyyah telah menjadi perintis kepada sekularisasi dalam perundangan secara lebih agresif pada era republik.

Dalam proses membina negara Turki moden, Atatürk memberi perhatian yang khusus terhadap aspek perundangan kerana cakupannya yang menyeluruh. Dalam hal ini, perspektif pemodenan perundangan seperti yang dihuraikan oleh Yilmaz (2002) dilihat menjadi premis asas Atatürk dalam melaksanakan pembaharuan terhadap perundangan berdasarkan

beberapa aspek. Pertama, Atatürk bertindak menggantikan perundangan berasaskan syariat yang dilihat sebagai perundangan tradisional dengan perundangan baharu yang tidak ditunjangi oleh syariat. Kedua, Atatürk beranggapan perundangan berasaskan syariat sebagai suatu perundangan yang bersifat statik dan tidak mampu bergerak seiringan dengan arus pembaharuan yang dilaksanakan dalam aspek-aspek yang lain. Ketiga, Atatürk telah mengimport perundangan dari luar, khususnya dari Barat dan dijadikan asas kepada pembentukan perundangan Turki moden. Keempat, Atatürk memberi perhatian khusus terhadap perundangan sebagai platform untuk mencorak masyarakat, khususnya bagi mewujudkan masyarakat Turki yang maju dan bertamadun. Berikutan penolakannya terhadap Islam, Atatürk memilih pendekatan berasaskan sekularisasi dalam membentuk perundangan Turki moden. Prinsip sekularisme telah dijadikan prinsip asas kepada Perlembagaan Turki moden yang pertama selepas pindaan yang dibuat pada tahun 1937. Seterusnya, prinsip tersebut terus dikekalkan dan diperkukuhkan lagi dalam Perlembagaan Turki 1961 dan Perlembagaan Turki 1982. Di samping perlembagaan, undang-undang umum, jenayah dan kekeluargaan turut menerima pengaruh sekularisasi melalui mekanisme pembaratan, iaitu pengadaptasian perundangan dari Barat.

Sekularisasi dalam perundangan Turki telah memberi kesan terhadap gaya hidup masyarakat di bandar, iaitu mereka cenderung untuk tidak lagi berpegang kepada norma-norma agama. Sebaliknya, sekularisasi dalam perundangan tidak memberi kesan yang ketara terhadap masyarakat di luar bandar yang terus mempraktikkan gaya hidup beragama. Di samping itu, sekularisasi dalam perundangan turut menyebabkan berlakunya polarisasi dalam kalangan masyarakat antara mereka yang pro akan aspirasi sekular dengan masyarakat yang cenderung kepada Islam. Secara realitinya, kesan sekularisasi dalam perundangan ini menggambarkan hakikat identiti masyarakat di Turki. Menurut Syafiq (1997), masyarakat Turki telah memeluk Islam sejak kurun ke-10 Masihi. Bermaksud, Islam telah pun berperanan membentuk identiti dan budaya masyarakat Turki selama hampir 1,000 tahun, iaitu dalam tempoh tersebut masyarakat Turki mempraktikkan cara hidup Islami baik dari sudut pengibadatan, urusan pentadbiran dan asas etika (Ahmad Azam *et al.*, 2017). Proses sekularisasi Atatürk menimbulkan pelbagai permasalahan kerana hakikatnya, sebahagian daripada masyarakat

Turki masih berpegang kepada norma-norma agama yang diwarisi dan memandang sekularisme sebagai suatu yang asing daripada budaya dan identiti mereka.

Kajian ini menghujahkan bahawa Atatürk mengalami kekeliruan dalam usahanya membentuk perundangan negara. Kegagalan dalam membezakan di antara keperluan untuk maju dan moden dengan keperluan bagi memelihara warisan dan tradisi menyebabkan beliau memilih untuk meminggirkan peranan Islam daripada memayungi sistem perundangan Turki. Selain itu, sikap Atatürk menyandarkan kegagalan Khilafah Uthmaniyyah kepada ‘kegagalan Islam’ menatijahkan penolakan beliau terhadap Islam secara keseluruhan. Sedangkan menurut rekod Maksudoğlu (1999), tercapainya kestabilan dan perkembangan pengaruh Uthmaniyyah selama ratusan tahun adalah bilamana Islam didaulatkan sepenuhnya dalam segenap aspek. Fadhlullah (2011) pula menjelaskan, kemerosotan Kerajaan Uthmaniyyah selepas era Sultan Suleiman al-Qanuni adalah disebabkan berlakunya kepincangan dalam pentadbiran berikutan pengabaian terhadap pemerintahan yang berlandaskan syariat Islam. Justeru, sekularisasi dalam perundangan Turki merupakan satu episod yang penting dalam perkembangan sejarah Turki moden yang perlu dijadikan iktibar termasuklah dalam konteks negara Malaysia.

NOTA

¹ *Jön Türkler* atau Turki Muda (Bahasa Inggeris: *Young Turks*) merupakan satu kumpulan nasionalis radikal yang dibentuk oleh sekumpulan modenis Uthmaniyyah. Matlamat utama kumpulan tersebut adalah bertujuan bagi mengembalikan semula sistem berperlembagaan seperti mana yang pernah berlaku pada awal era Sultan Abd al-Hamid, termasuklah dengan melakukan rampasan kuasa. Dalam menjalankan kegiatannya, *Jön Türkler* banyak menggunakan proksinya iaitu *İttihad ve Terakki Cemiyeti* atau Pertubuhan Kesatuan dan Kemajuan (Bahasa Inggeris: *Committee of Union and Progress-CUP*). Lihat Feroz Ahmad (1988), *War and Society Under the Yung Turks, 1908–1918, Review (Fernand Braudel Center)*, 11(2), 265–286. Meskipun kumpulan *Jön Türkler* telah terubur secara rasmi serentak dengan kekalahan Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama, namun saki-baki kumpulan tersebut, khususnya dari sudut idea dan modus operandinya masih wujud sehingga era mutakhir. Menurut Kaya, gerakan subversif dan bawah tanah yang membentuk ‘kerajaan selari’ pada era Turki moden dikatakan berakar umbi daripada *Jön Türkler*. Jaringan inilah yang bertanggungjawab melakukan rampasan kuasa serta komplot

menumbangkan kerajaan sedia ada. Lihat Serdar Kaya (2009), *The Rise and Decline of the Turkish "Deep State": The Ergenekon Case, Insight Turkey*, 11(4), 101–102.

- ² Secara prinsipnya, sekularisme merujuk kepada satu bentuk idea di mana agama tidak mencampuri urusan politik dan kenegaraan. Walau bagaimanapun, wujud dua perspektif sekularisme yang berbeza dari sudut teknikal dan pengamalan. Perspektif pertama merujuk kepada sekularisme ala-Perancis yang disebut sebagai “*laïcité*”. *Laïcité* merupakan naratif sekularisme yang berpegang bahawa sekularisasi tidak hanya berlaku di peringkat negara, sebaliknya turut berlaku di peringkat masyarakat. Bermaksud, *laïcité* menganjurkan idea di mana agama perlulah dipisahkan daripada mempengaruhi norma hidup masyarakat. Berbeza dengan sekularisme *Anglo-Saxon* (yang diamalkan misalnya oleh Britain dan Amerika Syarikat) yang lebih liberal dari sudut pengamalannya, di mana sekularisasi hanya berlaku di peringkat negara dan tidak melibatkan masyarakat. Maka, masyarakat mempunyai kebebasan untuk mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing selagi pengamalan tersebut tidak mempengaruhi urusan pentadbiran negara. Lihat Scott Morrison (2013), *Secularism Revised*, Selangor: The Other Press, 21–27. Secara praktiknya, Ataturk memilih untuk mengadaptasi sekularisme ala-Perancis berbanding sekularisme *Anglo-Saxon* adalah disebabkan pengaruh daripada Revolusi Perancis. Idea Revolusi Perancis sememangnya telah memberi pengaruh yang kuat kepada bangsa Turki sejak proses pembaharuan dan *Tanzimat* pada era Uthmaniyyah lagi. Lihat Fadhlullah Jamil (2007), *Islam di Asia Barat Moden: Penjajahan dan Pergolakan*, Selangor: Karisma Publications, 142 & 162. Ataturk kemudiannya meneruskan agenda mencedok idea Revolusi Perancis, termasuklah idea sekularismenya.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah. (1987). *Pemikiran Islam masa kini: Sejarah dan aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ágoston, G. & Masters, B. (2009). *Encyclopedia of the Ottoman Empire*. New York: Facts on File.
- Ahmad Azam Ab Rahman, Najmuddin Mohd Nawi & Muhammad Suhail Ahmad. (2017). *Erdogan bukan pejuang Islam?* Selangor: PTS Publishing House.
- Ahmad Dzakirin. (2012). *Kebangkitan Gerakan Islam analisis dan polisi AKP Turki memenangi pilihanraya umum*. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.
- Ahmad, F. (1988). *War and society under the Yung Turks, 1908-18. Review (Fernand Braudel Center)*, 11 (2), 265–286.
- Asyraf Hj Ab Rahman, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Fadzli Adam, Nooraihan Ali & Daud Ismail. (2015). *The consequences of Ataturk's secularization on Turkey*. *Asian Social Science*, 11 (21), 350–354.
- Balkan, S., Uysal, A. E. & Karpat, K. H. (1961). *Constitution of the Turkish Republic*. Diakses daripada <http://www.anayasa.gen.tr/1961constitution-text.pdf>.
- Çelebi, B. (2011). *The failure of assertive secularization project in Turkey*. *Turkish Journal Politics*, 2 (1), 89–98.

- Earle, E. M. (1925). *The new constitution of Turkey. Political Science Quarterly*, 40 (1), 73–100.
- Egemenlik Kayitsiz Şartsiz Milletindir. (t.t.). *Constitution of the Republic of Turkey*. Diakses daripada https://global.tbmm.gov.tr/docs/constitution_en.pdf.
- Ete, H., Yılmaz, N. & Üstün, K. (2011). *Turkey's Constitutional Referendum of 2010 and Insights for the General Elections of 2011. Seta Policy Report*, 5, 8–11.
- Fadhullullah Jamil. (2007). *Islam di Asia Barat moden: Penjajahan dan pergolakan*. Selangor: Karisma Publications.
- _____. (2011). Sisi gelap kerajaan 'Uthmaniyyah: Satu pengajaran berharga. Dlm. Mohd Roslan Mohd Nor & Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik (Ed.), *Baldatun Tayyibah Model Uthmaniyyah: Sejarah Perkembangan dan Kejatuhan Pemerintahan Islam Uthmaniyyah: Teladan dan Sempadan* (pp. 25–70). Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia.
- Giritli, I. (1962). Some aspects of the new Turkish constitution. *The Middle East Journal*, 16 (1), 1–17.
- Halmaj, G. (2012). *Unconstitutional constitutional amendments: Constitutional court as guardians of the constitution? Constellations*, 19 (2), 182–203.
- Kaya, S. (2009). *The rise and decline of the Turkish "Deep State": The Ergenekon case. Insight Turkey*, 11 (4), 99–113.
- Maksudoğlu, M. (1999). *Osmanlı History 1289–1922 based on Osmanlı sources*. Gombak: Research Centre, International Islamic University Malaysia.
- Mashitah binti Sulaiman. (2004). *Islam dan pembinaan peradaban Turki moden melalui proses politik*. Disertasi sarjana (Tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohamad Shaukhi Mohd Radzi. (2012). *Proses pembaratan dalam Daulah Uthmaniyyah 1789–1876*. Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. (2015). *Sekularisme dan proses demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan kepimpinan Erdogan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). Sejarah Ringkas Kebangkitan dan Kejatuhan Kerajaan Islam Uthmaniyyah. Dlm. Mohd Roslan Mohd Nor & Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik (Ed.), *Baldatun Tayyibah Model Uthmaniyyah: Sejarah Perkembangan dan Kejatuhan Pemerintahan Islam Uthmaniyyah: Teladan dan Sempadan* (pp. 1–24). Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia.
- Morrison, S. (2013). *Secularism revised*. Selangor: The Other Press.
- Özbudun, E. (2012). Turkey's search for a new constitution. *Insight Turkey*, 14 (1), 39–50.
- Seyyed Hossein Nasr. (1981). *Islamic life and thought*. Lahore: Suhail Academy.
- Siti Nurul Izza Hashim & Ermy Azziaty Rozali. (2015). Era pembaharuan Kerajaan Uthmaniyyah pada abad ke-19 masehi. *International Journal of West Asian Studies*, 6 (1), 49–62.

- Syafiq A. Mughni. (1997). *Sejarah kebudayaan Islam di Turki*. Ciputat: Logos Wacana Ilmu.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1993). *Islām and secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Toprak, B. (1981). *Islam and political development in Turkey*. Leiden: E. J. Brill.
- _____. (2005). Secularism and Islam: The building of modern Turkey. *Macalester International*, 15 (9), 27–43.
- Topukcu, A. (2014). *The processes and the principles of constitutional design in Turkey –Historical and Legal Perspective-*. Diakses dari <https://www.jus.uio.no/english/research/news-and-events/events/conferences/2014/wccl-cmdc/wccl/papers/ws11/w11-topukcu.pdf>.
- Yildirim, S. (2005). Aftermath of a revolution: A case study of Turkish Family Law. *Pace International Law Review*, 17 (2), 347–371.
- Yilmaz, I. (2002). Secular law and the emergence of unofficial Turkish Islamic Law. *Middle East Journal*, 56 (1), 113–131.
- Zhigulskaya, D. V. (2017). Development of democratization processes in Turkey in the late Ottoman and early Republican periods. *Historical and Social-Educational Idea*, 9 (2), 37–41.